

# PM mahu SAPP terus berperanan sebagai

UM 25 AUG 2007

KOTA KINABALU 24 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu Parti Maju Sabah (SAPP) terus berperanan sebagai anggota komponen Barisan Nasional (BN) bagi mengekalkan perpaduan dan kesejahteraan rakyat ke arah pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, peranan tersebut wajar didukung oleh SAPP kerana BN amat prihatin ter-

hadap pengekaln perpaduan kaum dan kestabilan politik bagi memacu ke arah kemajuan negara.

“Saya harap kerjasama yang telah ditunjukkan dan semangat bersatu padu yang telah kita bina ini akan terus dikekalkan.

“SAPP seperti juga parti-parti komponen BN perlu memainkan peranan yang penting di dalam usaha kita untuk mengekalkan pemerinta-

han bagi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Sabah khususnya dan Malaysia amnya,” tegasnya.

Dr. Mahathir menyatakan demikian pada perutusan di dalam buku cenderamata sempena Kongres SAPP ke-8 yang akan berlangsung selama dua hari di Menara Tun Mustapha, Likas mulai esok.

“Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada

kepemimpinan dan seluruh ahli dan jentera SAPP yang telah berusaha menentukan kemenangan BN dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Likas baru-baru ini,” tambahnya.

Menurut beliau, kemenangan tersebut membuktikan keyakinan rakyat Sabah terhadap kepemimpinan BN di dalam mentadbir negeri berkenaan.

## anggota BN

“Lebih dari itu ia juga menunjukkan keberkesanan sistem pemerintahan BN yang memberi peluang sama rata kepada semua parti di bawah payung BN tidak kira sama ada parti itu kecil atau besar,” katanya.

Dr. Mahathir berharap SAPP akan terus menyumbang peranan ke arah perpaduan, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Sabah khususnya.

Sementara itu Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee akan merasmikan Konvensyen Pergerakan Pemuda dan Wanita SAPP ke-8 di Menara Tun Mustapha mulai pukul 2.30 petang esok.

Keesokannya pula pada Ahad, Yong akan menyampaikan ucapan dasar kongres SAPP ke-8 itu di tempat yang sama mulai pukul 10 pagi.